

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG
(WANGSA MAJU)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 05.11.2015

Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah rizab Negara serta jumlah hutang negara.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 15 Oktober 2015, kedudukan rizab antarabangsa Malaysia kekal kukuh pada RM418 bilion atau USD94.1 bilion, memadai untuk menampung 8.8 bulan import tertanggung dan 1.2 kali lebih tinggi daripada hutang luar negeri jangka pendek. Ini adalah berikutan sentimen pelabur yang bertambah baik. Paras rizab ini merupakan 7.1 kali lebih tinggi berbanding jumlah rizab yang dicatat

semasa krisis kewangan Asia pada tahun 1997 iaitu sebanyak RM59.1 bilion. Turun naik dalam paras rizab antarabangsa merupakan perkara biasa dalam mana-mana rejim kadar pertukaran apungan terurus dan adalah amat sukar untuk mengunjur kedudukan rizab antarabangsa memandangkan ia didorong oleh faktor-faktor global yang di luar kawalan dasar domestik.

2. Berkaitan dengan jumlah hutang negara, sehingga Jun 2015 jumlah hutang atau merujuk kepada hutang luar Malaysia adalah berjumlah RM794.3 bilion atau 68.4% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah tersebut, hutang luar pesisir Kerajaan Persekutuan berjumlah RM18.8 bilion atau 2.4%, manakala hutang sektor swasta berjumlah RM300.4 bilion (37.8%) dan pemegang bukan pemastautin pula menyumbang RM304.9 bilion (38.4%). Sebagai peratusan daripada KDNK pula, hutang luar pesisir Kerajaan Persekutuan hanya 1.6%.

3. Paras hutang luar Malaysia adalah terkawal. Ini adalah disebabkan oleh sebahagian besar daripada hutang luar Malaysia ini adalah pinjaman oleh sektor swasta dan Syarikat Awam Bukan Kerajaan (SABK) untuk dilaburkan

di dalam sektor yang produktif secara cekap dan efisien. Pelaburan ini berupaya memberi pulangan yang tinggi dan meningkatkan keupayaan bayaran balik pinjaman.

4. Berkenaan kedudukan kewangan semasa negara pula, pada tahun 2015 kutipan hasil Kerajaan Persekutuan dianggar berjumlah RM222.5 bilion atau 19.2% daripada KDNK (2014: RM220.6 billion, 19.9% daripada KDNK). Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2015 pula dianggar sebanyak RM260.7 bilion atau 22.5% daripada KDNK dengan perbelanjaan mengurus berjumlah RM213.3 bilion dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM47.4 bilion. Oleh itu, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2015 dianggar mencatat defisit keseluruhan berjumlah RM37.2 bilion atau 3.2% daripada KDNK.